

AGENDA 3

Membentang Dan Meluluskan Laporan
Lembaga Tahun 2024 Berserta Laporan
Jawatankuasa Audit Dalaman

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk makluman dan kelulusan perwakilan berkaitan laporan aktiviti dan pencapaian tahun kewangan 2024 serta laporan Jawatankuasa Audit Dalamannya.

LEMBAGA

2. Komposisi Lembaga terdiri daripada tiga (3) anggota yang dilantik oleh Lembaga FELDA untuk memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari manakala sembilan (9) lagi anggota dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT), mengikut peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil (UUK) 36.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

3. Untuk memastikan operasi dan pengurusan dikendalikan dengan teratur serta menepati amalan tadbir urus korporat yang baik, Lembaga menubuhkan lima (5) jawatankuasa dan mewakilkan kuasanya dari semasa ke semasa iaitu:

- (a) Jawatankuasa Audit Dalamannya
- (b) Jawatankuasa Syariah
- (c) Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan (EXCO)
- (d) Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan
- (e) Jawatankuasa Pelaburan dan Perniagaan

4. Disamping jawatankuasa utama, Lembaga juga menubuhkan Jawatankuasa Khas (*ad-hoc*) bagi memberi tumpuan kepada tugas/skop khas yang diputuskan Lembaga dari semasa ke semasa iaitu:

- (a) Jawatankuasa Khas Hartanah
- (b) Jawatankuasa Khas Keanggotaan
- (c) Jawatankuasa Khas Pembelian Buah Tandan Segar

5. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dianggotai oleh anggota Lembaga, anggota dan beberapa individu profesional yang mempunyai latar belakang dan kemahiran yang berkompentensi mengikut objektif, skop dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut ditubuhkan.

PENGURUSAN

6. Dalam memastikan polisi, dasar dan pelan hala tuju yang diputuskan oleh Lembaga dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan, Lembaga disokong oleh kumpulan pengurusan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan manakala di peringkat Syarikat Kumpulan pula diketuai oleh Ketua Syarikat masing-masing.

PETUGAS

7. Bilangan petugas kumpulan adalah seperti berikut:

Bil	Entiti/ Syarikat	Bilangan Petugas		
		2024	2023	Perubahan
1	KPF	233	223	10
2	KPF Niaga	366	408	(42)
3	KPF Trading	15	278	(263)
4	KPF Plantation	159	151	8
5	Felda D'Saji	121	123	(2)
6	KPF Hotel Management	107	97	10
7	KPF Agro Properties	8	12	(4)
Jumlah		1,009	1,292	(283)

8. Bilangan petugas kumpulan merekodkan pengurangan seramai 283 orang berbanding tahun sebelumnya disebabkan eksesais penstrukturan operasi KPF Trading Sdn Bhd (KPF Trading) yang mana sebahagian besar petugas diletakkan di bawah DMart Segi Sdn Bhd di bawah KPF Trading selain petugas yang telah tamat kontrak perkhidmatan, pencen dan berhenti.

KEANGGOTAAN DAN MODAL SYER

9. Tahun 2024 mencatatkan peningkatan anggota baharu sebanyak 974 anggota (anggota individu 974; anggota koperasi Nil), manakala sebanyak 1,796 anggota (anggota individu 1,796; anggota koperasi Nil) terhenti keanggotaan mengikut fasal (1) UUK 21. Maklumat kedudukan anggota mengikut kategori sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Kategori Anggota	2023	2024		2024	Perubahan (%)	Taburan (%)
		Anggota Baru	Terhenti Anggota			
Peneroka	224,286	954	(1,646)	223,594	(0.31)	88.17
Koperasi Peneroka	289	-	-	289	-	0.11
Jumlah	224,575	954	(1,646)	223,883	(0.31)	88.28
Kakitangan	29,837	20	(150)	29,707	(0.44)	11.71
Koperasi Kakitangan	4	-	-	4	-	0.00
Jumlah	29,841	20	(150)	29,711	(0.44)	11.72
Jumlah Keseluruhan	254,416	974	(1,796)	253,594	(0.32)	100.00

10. Kumpulan Peneroka mencatatkan taburan terbesar iaitu seramai 223,883 anggota atau 88.28% daripada keseluruhan anggota. Kumpulan Kakitangan iaitu seramai 29,711 anggota merupakan 11.72% daripada keseluruhan anggota.

11. Modal syer anggota sehingga 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM2,268.41 juta, menguncup sebanyak RM42.18 juta atau 1.83% berbanding tahun 2023 berjumlah RM2,310.59 juta. Maklumat kedudukan modal syer anggota mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Anggota	Modal Syer (RM'000)				Perubahan (%)	Taburan (%)
	Baki Buka	Langganan	Pengeluaran	Baki Akhir		
Peneroka	1,696,551	44,184	(60,070)	1,680,665	(0.94)	74.09
Koperasi Peneroka	60,022	997	(1,704)	59,315	(1.18)	2.62
Jumlah	1,756,573	45,181	(61,774)	1,739,980	(0.94)	76.71
Kakitangan	544,611	10,041	(36,042)	518,610	(4.77)	22.86
Koperasi Kakitangan	9,403	414	-	9,817	4.41	0.43
Jumlah	554,014	10,455	(36,042)	528,427	(4.62)	23.29
Jumlah Keseluruhan	2,310,587	55,636	(97,816)	2,268,407	(1.83)	100.00

Isu Pengeluaran Modal Syer Tertunggak

12. Bagi tempoh 2022 hingga 2024, KPF menerima sebanyak 25,198 permohonan pengeluaran syer oleh anggota berjumlah RM633.44 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17,803 permohonan berjumlah RM303.43 juta telah diproses dan dibayar. Baki RM330.01 juta (8,953 permohonan) sebahagiannya berakhir tempoh 12 bulan sedang diproses dan dibayar secara berperingkat mengikut ketersediaan tunai semasa.

13. Bayaran permohonan pengeluaran syer anggota adalah dibuat secara penggiliran. Selain itu, Lembaga juga mengambil kira kes-kes kritikal melibatkan keperluan kewangan anggota bagi tujuan haji/umrah, perubatan, pendidikan, kes mahkamah dan situasi mendesak lain yang akan dipertimbangkan Lembaga.

PELABURAN DAN PERNIAGAAN

14. Sehingga 31 Disember 2024, pelaburan adalah berjumlah RM3,906.42 juta, meningkat sebanyak RM0.3 juta atau 0.01% berbanding tempoh yang sama 2023 berjumlah RM3,906.12 juta. Maklumat aset pelaburan mengikut portfolio/aset kelas adalah seperti berikut:

Portfolio/ Aset Kelas	Sehingga 31 Dis 2024		Sehingga 31 Dis 2023		Perubahan	
	Kos (RM'000)	Taburan (%)	Kos (RM'000)	Taburan (%)	(RM'000)	(%)
PELABURAN KORPORAT:						
Sykt Kump. FGV	187,015	4.79	187,015	4.79	-	-
Sykt Usahasama/Luar	38,056	0.97	37,856	0.97	200	0.53
Sykt Kump. KPF	158,047	4.05	159,047	4.07	(1,000)	(0.63)
Koperasi	63,387	1.62	63,387	1.62	-	-
Projek Khas: PPP	2,760	0.07	2,729	0.07	31	1.14
Jumlah	449,265	11.50	450,034	11.52	(769)	(0.17)
PERLADANGAN:						
Ladang KPF Samarahan	1,195,751	30.61	1,196,295	30.63	(544)	(0.05)
Ladang KPF Gua Musang	372,299	9.53	372,201	9.53	98	0.03
BTS FELDA	19,256	0.49	15,000	0.38	4,256	28.37
Jumlah	1,587,306	40.63	1,583,496	40.54	3,810	0.24

Portfolio/ Aset Kelas	Sehingga 31 Dis 2024		Sehingga 31 Dis 2023		Perubahan	
	Kos (RM'000)	Taburan (%)	Kos (RM'000)	Taburan (%)	(RM'000)	(%)
HARTANAH:						
Bangunan Komersial	513,620	13.15	513,120	13.14	500	0.10
Hotel	191,302	4.90	191,302	4.90	-	-
Tanah Pembangunan	151,493	3.88	151,493	3.88	-	-
Hartanah Pajakan	119,379	3.06	119,379	3.06	-	-
Hypermarket	93,800	2.40	93,800	2.40	-	-
Kedai Pejabat	10,890	0.28	10,670	0.27	220	2.06
Logistik	3,900	0.10	3,830	0.10	70	1.83
Jumlah	1,084,384	27.76	1,083,594	27.74	790	0.07
PASARAN MODAL:						
Pasaran Sekuriti	488,987	12.52	491,176	12.57	(2,189)	(0.45)
Pasaran Wang	4,736	0.12	23,106	0.59	(18,370)	(79.50)
Jumlah	493,723	12.64	514,282	13.17	(20,559)	(4.00)
PERBANKAN KOMERSIAL:						
Perbankan Komersial	109,835	2.81	111,101	2.84	(1,266)	(1.14)
Jumlah	109,835	2.81	111,101	2.84	(1,266)	(1.14)
PERKHIDMATAN AR-RAHNU:						
Operasi Ar-Rahnu	181,216	4.64	162,999	4.17	18,217	11.18
Urus Niaga Emas	692	0.02	619	0.02	73	11.79
Jumlah	181,908	4.66	163,618	4.19	18,290	11.18
Jumlah Keseluruhan	3,906,421	100.00	3,906,125	100.00	296	0.01

Rumusan Pendapatan Mengikut Aset Pelaburan

15. Sehingga 31 Disember 2024, aktiviti pelaburan dan perniagaan mencatatkan pendapatan berjumlah RM433.35 juta, meningkat sebanyak RM130.89 juta atau 43.28% berbanding tempoh yang sama 2023 berjumlah RM302.46 juta. Maklumat pendapatan mengikut portfolio/aset kelas adalah seperti berikut:

Portfolio/Aset Kelas	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
PELABURAN KORPORAT				
Syarikat Kumpulan FGV	118,867	36,132	82,735	228.98
Syarikat Kumpulan KPF	2,723	498	2,225	446.79
Koperasi	9,406	8,328	1,078	12.94
Syarikat Usahasama/Luar	33	2,784	(2,751)	(98.81)
Program Pembangunan Peneroka	596	1,267	(671)	(52.96)
Jumlah	131,625	49,009	82,616	168.57
PERLADANGAN				
Ladang KPF Samarahan	188,477	161,322	27,155	16.83
Ladang KPF Gua Musang	36,580	27,308	9,272	33.95
BTS FELDA	11,798	7,502	4,296	57.26
Jumlah	236,855	196,132	40,723	20.76
HARTANAH				
Bangunan Komersial	21,685	17,084	4,601	26.93
Hotel	2,628	2,628	-	-

Portfolio/Aset Kelas	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Tanah Pembangunan	-	9	(9)	(100.00)
Hypermarket	6,000	6,000	-	-
Kedai Pejabat	227	170	57	33.53
Logistik	121	65	56	86.15
Jumlah	30,661	25,956	4,705	18.13
PASARAN MODAL				
Pasaran Sekuriti	-	401	(401)	(100.00)
Pasaran Wang	1,528	214	1,314	614.02
Jumlah	1,528	615	913	148.46
PERBANKAN KOMERSIAL (PEMBIAYAAN)				
Perbankan Komersial	8,237	8,370	(133)	(1.59)
Jumlah	8,237	8,370	(133)	(1.59)
PERKHIDMATAN AR-RAHNU				
Operasi Ar-Rahnu	22,158	18,888	3,270	17.31
Urus Niaga Emas	2,287	3,488	(1,201)	(34.43)
Jumlah	24,445	22,376	2,069	9.25
Jumlah Keseluruhan	433,351	302,458	130,893	43.28

PELABURAN KORPORAT

Syarikat Kumpulan FGV

16. Pelaburan dalam Syarikat Kumpulan FGV adalah berjumlah RM187.02 juta melalui pegangan ekuiti dalam 10 syarikat seperti berikut:

Syarikat	2024		2023		Ekuiti (%)
	Unit (‘000)	Kos (RM'000)	Unit (‘000)	Kos (RM'000)	
FGV Palm Industries	56,557	58,052	56,557	58,052	28.00
FGV Agri Services	15,000	55,500	15,000	55,500	23.10
FGV Refineries	25,000	34,500	25,000	34,500	33.30
FGV Prodata Systems	2,500	16,825	2,500	16,825	20.00
FGV Transport Services	14,700	6,770	14,700	6,770	49.00
FGV Rubber Industries	12,000	6,000	12,000	6,000	28.60
FGV Marketing Services	8,330	3,565	8,330	3,565	49.00
FGV Kernel Products	4,000	3,000	4,000	3,000	16.70
Felda Engineering Services	4,900	2,450	4,900	2,450	49.00
FGV Security Services	1,411	353	1,411	353	49.00
Jumlah	144,398	187,015	144,398	187,015	

Pendapatan Syarikat Kumpulan FGV

17. Pendapatan daripada Syarikat Kumpulan FGV bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM118.87 juta meningkat RM82.74 juta atau 228.98% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM36.13 juta disebabkan peningkatan dividen FGV Palm Industries sebanyak RM84.50 juta. Maklumat pendapatan adalah seperti berikut:

Syarikat	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
FGV Palm Industries	104,326	19,822	84,504	426.31
FGV Agri Services	7,200	3,750	3,450	92.00
Felda Prodata Systems	375	-	375	100.00
FGV Transport Services	2,205	4,410	(2,205)	(50.00)
FGV Marketing Services*	(249)	-	(249)	(100.00)
FGV Kernel Products	600	800	(200)	(25.00)
Felda Engineering Services	4,410	7,350	(2,940)	(40.00)
Jumlah	118,867	36,132	82,735	228.98

Nota: *Pelarasan dividen terlebih rekod 2022.

Syarikat Kumpulan KPF

18. Pelaburan dalam Syarikat Kumpulan KPF adalah berjumlah RM158.05 juta melalui pegangan ekuiti dalam lapan (8) syarikat seperti berikut:

Syarikat	2024		2023		Ekuiti (%)
	Unit (‘000)	Kos (RM'000)	Unit (‘000)	Kos (RM'000)	
KPF Trading	150,000	37,350	150,000	37,350	100.00
KPF Plantation	1,000	1,000	1,000	1,000	100.00
KPF Hotel Management	74,125	74,125	74,125	74,125	100.00
KPF Niaga	8,000	8,000	8,000	8,000	100.00
KPF Agro Properties	900	11,904	900	11,904	90.00
Felda D’Saji	6,000	10,168	6,000	10,168	60.00
KPF Farming*	15,500	15,500	15,500	15,500	100.00
KPF Palm Oil Mill**	-	-	1,000	1,000	100.00
Jumlah	255,525	158,047	256,525	159,047	

Nota: *Tidak aktif

** Penjualan ekuiti kepada Abra International Sdn Bhd pada nilai kos.

Pendapatan Syarikat Kumpulan KPF

19. Pendapatan daripada Syarikat Kumpulan KPF bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM2.72 juta meningkat RM2.23 juta atau 446.79% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM0.50 juta. Maklumat adalah seperti berikut:

Syarikat	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
KPF Trading	50	-	50	100.00
KPF Niaga	1,595	100	1,495	1,495.00
Felda D’Saji	180	-	180	100.00
KPF Agro Properties	50	398	(348)	(87.44)
KPF Plantation	498	-	498	100.00
KPF Hotel Management	150	-	150	100.00
KPF Palm Oil Mill	200	-	200	100.00
Jumlah	2,723	498	2,225	446.79

20. Peningkatan pendapatan daripada Syarikat Kumpulan KPF ini disumbangkan oleh peningkatan pendapatan dividen yang lebih baik dan keuntungan penjualan ekuiti di dalam KPF Palm Oil Mill Sdn Bhd.

Prestasi Syarikat Kumpulan KPF

21. Maklumat ringkasan prestasi Syarikat Kumpulan KPF 2024 adalah seperti berikut:

(a) KPF Trading

Maklumat prestasi kewangan adalah seperti berikut:

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	13,957	53,959	(40,002)	(74.13)
Keuntungan Kasar	3,176	5,606	(2,430)	(43.35)
Kerugian Bersih	(11,986)	(19,924)	7,938	39.84

KPF Trading merekodkan kerugian sebanyak RM11.99 juta pada tahun 2024 berbanding 2023 berjumlah RM19.92 juta, berkurang sebanyak RM7.94 juta ataupun 39.84%.

Aktiviti perniagaan KPF Trading telah distruktur semula pada April 2024 melalui usaha sama dengan Segi Value Holdings Sdn Bhd melalui penubuhan sebuah syarikat tujuan khas (SPV) iaitu DMart Segi Sdn Bhd bertujuan mengambil alih operasi dan perniagaan aktiviti runcit dan gudang D'Mart (201 kedai terlibat). Kedai-kedai D'Mart dibuka semula dengan nama baharu iaitu D'Mart Segi Fresh bermula April 2024 dengan kedai pertama di Felda Mempaga.

KPF Trading dikekalkan sebagai syarikat pemegang pelaburan, pemilikan aset kedai dan gudang dan menjalankan aktiviti pembekalan barangan dan khidmat *in-house brand* di bawah jenama Fresha, produk keluaran Kumpulan FELDA dan produk pertanian dan penternakan di bawah PPP.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 29 cawangan telah dibuka semula manakala kedai-kedai lain akan dibuka secara berperingkat sehingga tahun 2027. Sambutan yang diterima daripada komuniti FELDA dan masyarakat setempat sangat menggalakkan.

(b) KPF Niaga

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	358,688	339,415	19,273	5.68
Keuntungan Kasar	27,329	26,925	404	1.50
Keuntungan Bersih	3,314	2,720	594	21.84

KPF Niaga mencatatkan keuntungan sebanyak RM3.31 juta pada tahun 2024, meningkat sebanyak RM0.59 juta berbanding tahun 2023 berjumlah RM2.72 juta. Peningkatan prestasi keuntungan ini didorong oleh peningkatan jualan Stesen Minyak berikutan kenaikan harga diesel yang diumumkan oleh kerajaan.

Syarikat juga sedang giat memperkasakan pendapatan melalui program strategik bersama FELDA dan kumpulan untuk menjadi penyedia bekalan agro, insurans dan lain-lain khidmat seperti sebelum ini.

(c) **Felda D'Saji**

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	29,140	25,440	3,700	14.54
Keuntungan Kasar	12,307	11,725	582	4.96
Keuntungan Bersih	3,121	1,220	1,901	155.82

Felda D'Saji mencatatkan prestasi keuntungan yang lebih baik berjumlah RM3.12 juta pada tahun 2024 berbanding RM1.22 juta pada tahun 2023, meningkat sebanyak RM1.90 juta. Peningkatan prestasi keuntungan D'Saji disumbangkan oleh peningkatan jualan bagi segmen Bankuasi dan Katering serta operasi restoran di Makkah.

Pada tahun 2024, Felda D'Saji telah membuka *venue* baharu bagi perkhidmatan katering di MPAJ Convention Centre (MCC) Taman Melawati, Kuala Lumpur. *Venue* tersebut menawarkan perkhidmatan bagi pakej perkahwinan, bankuasi dan acara korporat.

(d) **KPF Agro Properties**

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	738	13,108	(12,370)	(94.37)
Keuntungan Kasar	234	257	(23)	(8.95)
Kerugian Bersih	(1,143)	(1,826)	683	37.40

KPF Agro Properties mencatatkan kerugian sebanyak RM1.14 juta berbanding RM1.83 juta pada tempoh yang sama 2023 iaitu pengurangan sebanyak RM0.69 juta. Kerugian berterusan ini disebabkan oleh kekurangan kontrak kerja-kerja tanam semula yang baharu dalam Kumpulan FELDA bagi tahun 2024.

Strategi menghadapi KPF Agro Properties adalah untuk menyusun semula pasukan pengurusan dan strategi mendapatkan semula kontrak-kontrak berkaitan pembangunan tanah dan tanam semula dalam Kumpulan FELDA/syarikat luar serta memperkasa aktiviti lain yang dijalankan syarikat.

(e) **KPF Plantation**

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	4,776	5,026	(250)	(4.97)
Keuntungan Kasar	4,146	4,334	(188)	(4.34)
Keuntungan Bersih	767	894	(127)	(14.21)

KPF Plantation merupakan syarikat yang menguruskan ladang dan kilang sawit milik KPF melalui operasi di Ladang KPF Samarahan, Sarawak dan Ladang KPF Gua Musang, Kelantan. Ianya juga menjalankan aktiviti tapak semaian (*nursery*) untuk penjualan anak pokok sawit.

Pada tahun 2024, KPF Plantation merekodkan keuntungan sebanyak RM0.77 juta, menurun sebanyak RM0.13 juta berbanding 2023 berjumlah RM0.89 juta. Penurunan ini disebabkan oleh kekurangan jualan hasil tapak semaian.

Strategi dan usaha tahun 2024 yang dijalankan oleh pengurusan KPF Plantation memberikan impak peningkatan pendapatan kepada aktiviti ladang dan kilang sawit milik KPF.

(f) **KPF Hotel Management**

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	33,271	30,808	2,463	7.99
Keuntungan Kasar	23,461	21,202	2,259	10.65
Kerugian Bersih	(2,183)	(3,977)	1,794	45.11

Bagi tahun 2024, KPF Hotel Management mencatatkan kerugian sebanyak RM2.18 juta berbanding RM3.98 juta pada tahun 2023. Peningkatan prestasi ini didorong oleh peningkatan pendapatan jualan bilik penginapan, serta makanan & minuman (F&B).

Strategi ke hadapan adalah untuk meningkatkan pendapatan Hotel Tenera melalui penyediaan pakej-pakej penginapan yang lebih menarik, meningkatkan penjualan pakej mesyuarat dan seminar serta menjadi hos kepada program-program berkaitan agensi kerajaan, temasya dan sukan.

Koperasi

22. Pemilikan modal syer dalam koperasi berjumlah RM63.39 juta seperti berikut:

Koperasi	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	52,880	52,880
Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	10,484	10,484
Konsortium Koperasi Hartanah Negara Berhad	5	5
Federasi Koperasi Perladangan Berhad	3	3
Federasi Koperasi Pemborongan & Peruncitan Berhad	5	5
Federasi Koperasi Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia	10	10
Jumlah	63,387	63,387

Pendapatan Modal Syer Koperasi

23. Pendapatan dari dividen koperasi bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM9.41 meningkat RM1.08 juta atau 12.94% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM8.33 juta seperti berikut:

Koperasi	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	8,725	7,668	1,057	13.78
Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	681	660	21	3.18
Jumlah	9,406	8,328	1,078	12.94

Syarikat Usaha Sama/Luar

24. Pegangan ekuiti dan kos pelaburan bagi tahun 2024 berbanding tempoh yang sama 2023 di dalam syarikat-syarikat usaha sama/luar adalah seperti berikut:

Syarikat	2024		2023		Ekuiti (%)
	Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)	
DANA PELABURAN USAHA SAMA					
COPE-KPF Opportunities 1	35,080	35,080	35,080	35,080	49.90
SYARIKAT BERSEKUTU LUAR					
Noweia Industries	2,076	2,076	2,076	2,076	33.49
Felkur Survey Services	35	700	35	700	20.00
Sustainable Future	200	200	-	-	20.00
EKUITI PERSENDIRIAN					
Elna PCB	1,200	-	1,200	-	0.39
Jumlah	38,591	38,056	38,391	37,856	-

Pendapatan Syarikat Usaha Sama/Luar

25. Pendapatan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM0.03 juta; menurun sebanyak RM2.75 juta atau 98.81% berbanding tempoh yang sama 2023 berjumlah RM2.78 juta. Penurunan pendapatan ini adalah disebabkan tiada pendapatan yang diperolehi daripada dana pelaburan usaha sama (COPE-KPF Opportunities 1) berikutan pelaburan ekuiti persendirian di bawah dana tersebut masih belum matang.

26. KPF juga telah mengembangkan aktiviti pelaburannya dengan menandatangani perjanjian usaha sama perkongsian strategik dalam perniagaan berasaskan ekonomi hijau bersama Abra International Sdn Bhd (AI). Bagi tujuan itu, AI telah mengambil alih ekuiti sebanyak 80% di dalam KPF Palm Oil Mill dan menukar namanya kepada Sustainable Future Sdn Bhd sebagai syarikat tujuan khas (SPV).

Program Pembangunan Peneroka

27. Kos pelaburan dalam projek rintis Program Pembangunan Peneroka (PPP) di Felda Bukit Rokan adalah berjumlah RM2.76 juta seperti berikut:

Projek	2024	2023
	Kos (RM'000)	Kos (RM'000)
Tanaman Fertigasi	1,806	1,637
Ternakan Arnab Pedaging	954	1,092
Jumlah	2,760	2,729

Pendapatan Program Pembangunan Peneroka

28. Pendapatan daripada projek PPP bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM0.6 juta (aktiviti pertanian, ternakan dan ejen perolehan), menurun sebanyak RM0.67 juta atau 52.96% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM1.27 juta seperti berikut:

Projek Khas	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Projek Rintis Felda Bukit Rokan	367	440	(73)	(16.59)
Ejen Perolehan & Pembekalan	229	827	(598)	(72.31)
Jumlah	596	1,267	(671)	(52.96)

29. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh kekurangan bilangan kerja-kerja perolehan pembekalan input pertanian dan ternakan oleh FELDA bagi tahun 2024 iaitu sebanyak 51 projek atau jumlah pembekalan RM4.05 juta berbanding tahun 2023 sebanyak 98 projek atau RM14.6 juta.

PERLADANGAN

30. Sehingga kini, KPF memiliki ladang sawit seluas 20,139.28 hektar (49,763.16 ekar) di dua (2) kawasan operasi iaitu Ladang KPF Samarahan, Sarawak dengan keluasan 15,366.76 hektar (37,971.26 ekar) dan Ladang KPF Gua Musang, Kelantan dengan keluasan 4,772.52 hektar (11,791.90 ekar).

31. Ladang-ladang tersebut diuruskan oleh syarikat subsidiari iaitu KPF Plantation. Maklumat kawasan operasi adalah seperti berikut:

Ladang	Luas Keliling (Ha)	Tanam		Belum Maju (Ha)	Lain-lain (Ha)
		Berhasil (Ha)	Belum Berhasil (Ha)		
Ladang KPF Samarahan	15,366.76	9,388.86	2,053.76	2,623.64	1,300.50
Ladang KPF Gua Musang	4,772.52	2,701.01	1,765.15	-	306.36
Jumlah	20,139.28	12,089.87	3,818.91	2,623.64	1,606.86

32. Jumlah keseluruhan kawasan bertanam adalah seluas 15,908.78 hektar (39,310.60 ekar). Daripada keseluruhan kawasan tersebut, 75.99% adalah kawasan yang telah berhasil iaitu seluas 12,089.87 hektar.

33. Keluasan kawasan belum dimajukan adalah seluas 2,623.64 hektar (6,483.01 ekar) dan 1,606.86 hektar (3,970.55 ekar) lagi adalah kawasan infrastruktur seperti perumahan pekerja, pejabat, kilang, rizab TNB, jalan utama, parit dan sungai.

34. Maklumat hasil ladang dan kilang adalah seperti berikut:

Ladang	Hasil	2024		2023		Perubahan (%)
		(MT)	MT/Ha	(MT)	MT/Ha	
Ladang KPF Samarahan	BTS	140,458	14.96	109,435	10.10	28.35
Ladang KPF Gua Musang	BTS	38,603	14.29	30,574	7.39	26.26
Jumlah Keseluruhan		179,061	14.81	140,009	9.35	27.89

35. Keseluruhan hasil pengeluaran BTS adalah sebanyak 179,061 MT atau 14.81 MT/Ha (Ladang KPF Samarahan: 140,458 MT atau 14.96 MT/Ha dan Ladang KPF Gua Musang: 38,603 MT atau 14.29 MT/Ha) meningkat sebanyak 27.89% atau 39,052 MT dari tahun 2023 sebanyak 140,009 MT atau 9.35 MT/Ha.

Operasi	Hasil	2024		2023		Perubahan (%)
		(MT)	%	(MT)	%	
Kilang Sawit Ensengei	MSM	40,903	17.03	37,368	18.37	9.49
	IS	7,457	3.10	7,779	3.78	(4.14)

36. Kilang Sawit KPF Ensengei, Samarahan, Sarawak menghasilkan minyak sawit mentah (MSM) sebanyak 40,903 MT dengan kadar perahan gred (KPG) yang dihasilkan sebanyak 17.03% (2023: 37,368 MT; KPG 18.37%). Manakala pengeluaran hasil isi sawit (IS) adalah berjumlah 7,457 MT dengan kadar perahan 3.10% (2023: 7,779 MT; kadar perahan 3.78%).

37. Penurunan KPG dan isirong disebabkan oleh kualiti buah yang kurang baik seperti buah patenokarpik, serta faktor cuaca seperti hujan tinggi yang mempengaruhi kandungan minyak dalam mesokarp.

Aktiviti Membeli, Menjual dan Mengalih BTS

38. Maklumat urus niaga bagi aktiviti membeli, menjual dan mengalih BTS adalah seperti berikut:

Perkara	2024	2023	Perubahan (%)
Urus Niaga BTS Peneroka FELDA			
Bilangan Rancangan	66	50	32.00
Bilangan Peneroka	12,260	10,795	13.57
Berat (MT)	649,593	577,103	12.56
Jumlah Nilai Urus Niaga (RM'000)	559,325	443,080	26.24
Kutipan Hutang Peneroka (RM'000)	6,233	5,542	12.47
Kontrak FELDA			
Bilangan Pusat Mengumpul Sawit	4	-	100.00
Bilangan Rancangan	10	-	100.00
Berat (MT)	75,527	-	100.00
Jumlah Nilai Urus Niaga (RM'000)	67,318	-	100.00

39. Urus niaga BTS Peneroka FELDA menunjukkan peningkatan ketara. Bilangan rancangan terlibat meningkat 32.0% kepada 66 rancangan, dengan 13.57% lebih ramai peneroka mandiri menyertai program ini. Jumlah BTS yang diurus niaga meningkat 12.56% kepada 649,593 MT, manakala nilai urus niaga melonjak 26.24% kepada RM559.33 juta. Kutipan hutang peneroka juga bertambah 12.47%, menunjukkan sokongan peneroka yang lebih baik kepada program anjuran FELDA ini.

40. Manakala belian BTS melalui kontrak FELDA, KPF mula menguruskan empat (4) Pusat Mengumpul Sawit (PMS) melibatkan 10 rancangan Felda. Sebanyak 75,527 MT BTS dikendalikan dengan nilai urus niaga mencecah RM67.32 juta, menandakan permulaan yang positif dalam kerjasama strategik bersama FELDA.

Pendapatan Perladangan

Aktiviti Perladangan	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Ladang KPF Samarahan	188,477	161,322	27,155	16.83
Ladang KPF Gua Musang	36,580	27,308	9,272	33.95
BTS FELDA	11,798	7,502	4,296	57.26
Jumlah Keseluruhan	236,855	196,132	40,723	20.76

41. Pendapatan keseluruhan aktiviti perladangan bagi tahun 2024 meningkat sebanyak RM40.72 juta atau 20.76% berbanding 2023. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor harga sawit yang lebih baik, peningkatan hasil ladang, serta peranan aktif KPF dalam urus niaga belian BTS melalui pertambahan bilangan rancangan baharu, penyertaan peneroka yang meningkat dan aktiviti baharu belian BTS secara berpusat melalui PMS bagi rancangan yang menghantar hasil ke kilang swasta.

42. Ladang KPF Samarahan mencatatkan kenaikan pendapatan sebanyak RM27.16 juta, diikuti Ladang KPF Gua Musang sebanyak RM9.27 juta dan aktiviti belian BTS FELDA sebanyak RM4.30 juta. Lonjakan ini menunjukkan strategi dan pengurusan ladang KPF semakin baik dan memberikan impak positif kepada pendapatan keseluruhannya.

43. Dengan prestasi semasa dan penyusunan strategi yang kekal stabil, pendapatan perladangan dijangka mampu terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan KPF untuk tahun-tahun ke hadapan.

HARTANAH

44. Portfolio hartanah sehingga 31 Disember 2024 berjumlah RM1,084.38 juta seperti berikut:

Hartanah	Kos Semasa/ Nilai Buku (RM'000)	Keluasan (k/p)	Kadar Penghunian (%)	
			2023	2024
PEJABAT				
The ICON – West Wing	224,000	241,373	63	63
Blok E, Southgate Commercial Centre	185,000	204,084	34	37
ICON City, Petaling Jaya	74,500	105,354	27	31
Blok P, Garden Office Encorp Strand	30,120	47,977	100	100
Jumlah	513,620	-	-	-
HOTEL				
Hotel Tenera	191,302	71,719	100	100
Jumlah	191,302	-	-	-
TANAH PEMBANGUNAN				
Mukim Galas, Gua Musang	136,093	2,793 ekar	-	-
Lot 1158, Kg Baru	15,400	13,050	-	-
Jumlah	151,493	-	-	-
HARTANAH PAJAKAN				
Hotel Dar Um Al-Qura, Makkah	119,379	-	100	100
Jumlah	119,379	-	-	-
HYPERMARKET				
Giant, Lagenda Galleria Bandar Baru Tunjong	93,800	205,707	100	100
Jumlah	93,800	-	-	-
KEDAI PEJABAT				
Putrajaya, Wilayah Persekutuan	3,090	3,840	-	-
Jengka, Pahang	900	10,548	66	33
POIC, Lahad Datu, Sabah	4,700	21,452	-	100
Bangi, Selangor	2,200	6,534	100	100
Jumlah	10,890	-	-	-
LOGISTIK				
B1, POIC, Lahad Datu, Sabah	2,100	6,593	-	-
B2, POIC, Lahad Datu, Sabah	1,800	6,593	-	100
Jumlah	3,900	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	1,084,384	-	-	-

Pendapatan Hartanah

45. Pendapatan dari aktiviti hartanah bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM30.66 juta, meningkat sebanyak RM4.7 juta atau 18.13% berbanding tempoh sama tahun 2023 berjumlah RM25.96 juta. KPF juga menerima pendapatan tambahan melalui pampasan *Liquidated Ascertained Damages (LAD)* sebanyak RM4.69 juta untuk kelewatan serahan bangunan ICON City.

PASARAN MODAL

Pasaran Sekuriti

46. Pada 31 Disember 2024, Indeks FBM KLCI ditutup pada 1,642.33 mata berbanding 1,454.66 mata bagi tempoh yang sama tahun 2023, kenaikan sebanyak 187.67 mata atau 12.90%. Maklumat portfolio (dana) sekuriti pasaran adalah seperti berikut:

Portfolio	2024		2023	
	Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)
Dana Jangka Panjang				
• Shopper360	23,208	5,723	23,208	7,912
• MSM	107,394	483,264	107,394	483,264
Jumlah	130,602	488,987	130,602	491,176

47. Tiada urus niaga dicatatkan sepanjang tahun 2024 atas faktor kekangan dana untuk menjalankan aktiviti dagangan.

Pasaran Wang

48. Tunai tersimpan di bank/institusi kewangan dalam bentuk deposit berjangka dan saham amanah adalah seperti berikut:

Portfolio	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)
Deposit/Simpanan Tetap	3,925	20,745
Saham Amanah	811	2,361
Jumlah	4,736	23,106

Pendapatan Pasaran Modal

49. Perolehan dari pasaran wang bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM1.53 juta, meningkat sebanyak RM1.32 juta atau 614.02% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM0.21 juta disebabkan pendapatan daripada penjualan saham amanah.

PERBANKAN KOMERSIAL

Pembiayaan

50. Sehingga 31 Disember 2024, baki pembiayaan aktif adalah berjumlah RM109.84 juta, menurun sebanyak RM1.27 juta atau 1.14% berbanding RM111.10 juta pada tahun 2023. Maklumat adalah seperti berikut:

Produk	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)
Peribadi-i/Mikro-i/Tunai-i	27,924	29,414
Koop-i	5,404	5,181
Korporat-i	1,590	1,590
Berputar (<i>Revolving Credit-i</i>)	4,609	4,609
Niaga-i	15,645	15,644
Berjangka	54,663	54,663
Jumlah	109,835	111,101

Deposit

51. Jumlah deposit berjangka daripada anggota adalah seperti berikut:

Deposit	2024		2023	
	Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)	Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)
Premium Mudharabah	1,365	86,053	1,376	86,195
Mudharabah	6	250	6	247
Jumlah	1,371	86,303	1,382	86,442

52. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah deposit terkumpul adalah sebanyak RM86.30 juta, susut sebanyak RM0.14 juta atau 0.16% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM86.44 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengeluaran deposit dari badan/pertubuhan peneroka.

Pendapatan Perbankan Komersial

53. Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM8.24 juta, susut sebanyak RM0.13 juta atau 1.6% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM8.37 juta. Penurunan ini adalah disebabkan kekurangan dana untuk pengeluaran pembiayaan baharu.

PERKHIDMATAN AR-RAHNU

54. Aktiviti Ar-Rahnu telah menunjukkan peningkatan prestasi yang baik dengan nilai pembiayaan di keluarkan berjumlah RM181.22 juta, mencatatkan peningkatan sebanyak RM18.22 juta ataupun 11.18% pada tahun 2024 berbanding RM163.0 juta pada tahun 2023.

55. Prestasi operasi dan kewangan bagi 38 cawangan adalah seperti berikut:

Perkara	2024 (RM'000)	2023 (RM'000)	Perubahan	
			(RM)	(%)
Operasi Ar-Rahnu				
Nilai Marhun	278,495	244,207	34,288	14.04
Nilai Pembiayaan	181,216	162,999	18,217	11.18
Pendapatan	22,158	18,888	3,270	17.31
Urus Niaga Emas				
Nilai Baki Stok Emas	692	619	73	11.79
Pendapatan	2,287	3,488	(1,201)	(34.43)
Jumlah Pendapatan	24,445	22,376	2,069	9.25

Pendapatan Perkhidmatan Ar-Rahnu

56. Pendapatan operasi cawangan Ar-Rahnu bagi tahun 2024 berjumlah RM22.16 juta meningkat sebanyak RM3.27 juta atau 17.31% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM18.89.

57. Bagi urus niaga emas pula, pendapatan bagi tahun 2024 adalah berjumlah RM2.29 juta menurun sebanyak RM1.20 juta atau 34.43% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM3.49. Ini disebabkan marhun (gadaian tak dituntut) untuk lelongan berkurangan.

SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

Khairat Kematian

58. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah sumbangan khairat kematian adalah sebanyak RM1.24 juta yang dibayar kepada waris anggota (isteri/suami, ibu bapa dan anak). Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif keprihatinan KPF dan meringankan beban anggota atau keluarga dalam menghadapi ujian kehilangan ahli keluarga.

Tanggungjawab Sosial

59. Lembaga sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa dalam kalangan komuniti FELDA yang rata-rata merupakan anggota KPF melalui penyertaan pelbagai aktiviti sosial dan kemanusiaan walaupun dalam keadaan kewangan yang mencabar. Ianya merupakan satu usaha dan komitmen berterusan KPF dalam menjaga hal ehwal kebajikan anggota khususnya serta hasrat memperkukuh hubungan dengan komuniti FELDA dan masyarakat setempat amnya. Sebahagian aktiviti adalah seperti berikut:

- (a) menyalurkan bantuan barangan keperluan asas dan sukarelawan kepada mangsa bencana melalui kerjasama dengan Syarikat Kumpulan seperti KPF Trading (D'Mart Segi Fresh), D'Saji, Hotel Tenera dan KPF Niaga; dan
- (b) menyediakan peluang latihan industri di KPF dan kumpulan kepada generasi baharu Felda untuk persiapan awal mendepani alam pekerjaan.

60. KPF juga turut bertindak sebagai ejen pemacu ekonomi setempat melalui kegiatan aktiviti ekonomi dalam rancangan/wilayah FELDA. Antaranya ialah pembukaan semula D'Mart dengan model baharu D'Mart Segi Fresh, usaha sama dengan koperasi/pertubuhan peneroka di rancangan terlibat dalam aktiviti membeli, menjual dan mengalih BTS, rangkaian Ar-Rahnu, stesen minyak, perkhidmatan bekalan agro dan lain-lain aktiviti ekonomi bukan sahaja untuk menjamin pendapatan mampan KPF malah ianya juga turut membuka peluang pekerjaan sekaligus meningkatkan pendapatan isi rumah komuniti FELDA dan masyarakat setempat.

61. Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan KPF dalam menjaga kebajikan anggota dan masyarakat, disamping menyokong pembangunan sosio-ekonomi secara menyeluruh dan lestari. Ianya selari dengan peranan KPF sebagai koperasi yang progresif dan bertanggungjawab.

Syor

62. Agenda ini dibentangkan untuk makluman dan kelulusan perwakilan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Bil : (54) KPFMB/ADK(AD)/09/JLD05

Tarikh : 15 Mei 2025

1.0 PENDAHULUAN

Mengikut kehendak seksyen 42A Akta 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan Undang-undang Kecil Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), laporan ini disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 (MAPT Ke-44).

2.0 LATAR BELAKANG

Peranan dan kuasa anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah UUK 54. Pelantikan anggota JAD adalah di bawah kuasa Lembaga seperti dinyatakan dalam fasal (g) UUK 43. Anggota-anggota JAD sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Encik Kamarulzaman bin Pondot	Pengerusi
2.	Encik Mohammed Sunaini bin Yusop	Ahli
3.	Puan Roziah binti Mohamed	Ahli

3.0 PENGENALAN

JAD telah melaksanakan enam (6) aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2024. Hasil pengauditan dan cadangan penambahbaikan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga KPF.

4.0 AKTIVITI JAD SEPANJANG TAHUN 2024

Pada tahun 2024, JAD telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali meliputi 19 agenda serta turut mengadakan beberapa perbincangan atau mesyuarat bersama Pengurusan KPF. Kehadiran semua anggota JAD adalah seratus peratus (100%).

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN PENGAUDITAN

Sepanjang tahun 2024, JAD telah melaksanakan semakan dan pemeriksaan pengauditan ke atas aktiviti perniagaan dan pengurusan Kumpulan seperti berikut:

Tarikh	Entiti Pengauditan	Perkara Pengauditan
2-31 Januari 2024	Jabatan Perbankan Komersial KPF	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta menilai dan mencadangkan proses tambah nilai bagi pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
21-26 April 2024	Jabatan Perkhidmatan Ar-Rahn KPF	Menilai pematuhan pengoperasian Ar-Rahn terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KPF.
8 Mei-14 Jun 2024	Felda D'Saji Sdn. Bhd.	Semakan dan pengesahan berkaitan maklumat/aduan berhubung urus tadbir dan perolehan di Felda D'Saji.
15 Ogos-15 September 2024	Pengurusan & Pentadbiran KPF	Memastikan tadbir urus koperasi berlandaskan perundangan-perundangan yang telah ditetapkan.
14 Oktober-29 November 2024	Jabatan Operasi & Keanggotaan KPF	Semakan dan pengesahan data serta mempertingkatkan ketepatan dan keberkesanan penggunaan data anggota dalam aktiviti keanggotaan bagi mendapatkan keputusan yang lebih berkesan.
29-30 Disember 2024	KPF Niaga Sdn. Bhd.	Membuat pemantauan ke atas proses pemeriksaan stok yang dilaksanakan di stesen minyak.

Tumpuan utama JAD adalah:

- (i) memastikan segala isu yang dibangkitkan diambil tindakan dan ianya tidak berulang;
- (ii) setiap aktiviti dan operasi kumpulan mematuhi segala peraturan dan undang-undang serta kawalan dalaman; dan
- (iii) memastikan matlamat KPF tercapai dan kepentingan pemegang taruh dilindungi.

6.0 RUMUSAN

JAD berpendapat tahun 2024 adalah lebih baik berbanding tahun 2023 berikutan:

- (i) prestasi kewangan menunjukkan pertumbuhan yang signifikan; dan
- (ii) sistem tadbir urus dan kawalan telah ditambah baik dengan pelaksanaan pindaan polisi & SOP selari dengan keperluan semasa.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penekanan perlu diberikan terhadap perkara-perkara berikut:

- (i) mempertingkatkan pulangan pelaburan yang lebih konsisten;
- (ii) memperkukuhkan aliran tunai;
- (iii) memastikan tadbir urus koperasi berlandaskan perundangan-perundangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, SKM dan MAPT; dan
- (iv) mempertingkatkan pemantauan dan kawalan terhadap aktiviti operasi agar ia selari dengan polisi dan SOP yang telah ditetapkan.

7.0 PENGHARGAAN

JAD merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

JAWATANKUASA AUDIT DALAM SESI 2024/2025 KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD


.....
(KAMARULZAMAN BIN PONDOT)
Pengerusi


.....
(MOHAMMED SUNAINI BIN YUSOP)
Ahli


.....
(ROZIAH BINTI MOHAMED)
Ahli